



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KUPSM/A/0027
Tarikh : 10 September 2021

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 15 TAHUN 2021**

**TARIKH PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA
TAHUN 2020 BAGI GRED 29 DAN 41**

Merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Peperiksaan Perkhidmatan Tahun 2020 bagi **Gred 29** dan **41** yang telah ditangguhkan akibat daripada pandemik *Covid-19* akan dilaksanakan secara dalam talian (*online*) atau fizikal tetakluk kepada bentuk soalan peperiksaan yang telah disediakan.

3. Sehubungan dengan itu, UPSM akan mengadakan **Peperiksaan Perkhidmatan Tahun 2020 bagi Gred 29 dan 41** seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 23 September 2021 (Khamis)

Masa :

| BAHAGIAN | MASA |
|---|-----------------------------|
| Bahagian I (Seksyen A & B) 4 Soalan Esei – Jawab 2 Sahaja | 9.30 A.M – 12.00 P.M |
| Bahagian II (Seksyen A, B & C) 6 Soalan Esei – Jawab 3 Sahaja | |
| Bahagian III (Bidang Tugas) 7 Soalan Esei – Jawab 4 Sahaja | 2.30 P.M – 4.30 P.M |

4. Semua calon Gred 29 dan 41 yang telah mendaftarkan diri untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Tahun 2020 diharap membuat persediaan sewajarnya berkenaan perkara ini.

5. Bagi calon yang perlu menduduki peperiksaan secara dalam talian, calon hendaklah memastikan talian *internet* berada dalam keadaan optimum sepanjang peperiksaan dijalankan. Sila rujuk Lampiran 1 berkenaan **Tatacara Menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Menggunakan Platform *Microsoft Form*** untuk

maklumat lanjut. Manakala bagi calon yang perlu menduduki peperiksaan secara fizikal mengikut bahagian kertas peperiksaan perlu menghadirkan diri pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan ke **Unit Pembangunan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan Getah Asli (Menara)**. Maklumat angka giliran calon dan butiran peperiksaan ini akan dimajukan terus kepada calon.

5. Sekiranya terdapat sebarang perubahan tarikh peperiksaan, tuan/puan akan dimaklumkan kemudian.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”



(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)